

ASEAN puas hati hasil mesyuarat khas jerebu

PEKAN BARU 15 Okt. - Mesyuarat khas lima negara ASEAN bagi menangani pencemaran jerebu merentasi sempadan di sini, kelmarin menghasilkan tiga kesepakatan utama yang agak menjanjikan ke arah langit ASEAN yang lebih cerah.

Bagaimanapun 'menjanjikan' itu, menurut Malaysia, bukanlah bererti tahun depan sudah tiada lagi ancaman jerebu atau fenomena serentak musim kemarau itu tidak akan menyedapkan nafas lagi dari Julai hingga Oktober tahun depan.

"Keberkesanan kesepakatan yang dicapai di sini bagaimanapun tidaklah dapat kita harapkan menjadi kenyataan dalam setahun ini, yang mana terlalu awal," kata Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia, Datuk Seri Azmi Khalid.

Namun beliau melihat mesyuarat ini sebagai berjaya, pertamanya dari segi munculnya komitmen yang nyata antara lima negara yang hadir untuk bekerjasama mengatasi masalah jerebu.

Komitmen politik itu jelas bukan sahaja di kalangan keempat-empat negara yang terpaksa mengimport asap tebal itu tetapi juga daripada Indonesia sendiri yang merupakan negara pengekspor asap yang tidak disengajakan.

Indonesia yang menjadi tuan rumah kepada ribuan titik panas yang dipantau satelit setiap tahun, berjanji memenuhi permintaan negara jirannya untuk segera menandatangani perjanjian penting dan kunci kepada masalah itu.

Bukan sahaja Menteri Alam Sekitarnya, Rachmat Witoelar yang ber-

janji bahkan Presiden-nya, Susilo Bambang Yudhoyono sendiri turut menyatakan Indonesia akan mengesahkan Perjanjian Menangani Jerebu Merentasi Sempadan ASEAN itu.

Kesemua Sembilan negara ASEAN lain termasuk Malaysia sudah mengesahkan pada tahun 2002, yang membolehkan negara ASEAN secara automatik membantu negara anggota yang mengalami kebakaran hutan dan tanah gambut serta jerebu.

Sejak 10 tahun lepas, paling tidak dari bulan Julai hingga Oktober setiap tahun ketika musim panas melanda Sumatera dan Kalimantan, negara jiran terdekat Indonesia pasti cemas menunggu kiriman asap tebal dari kedua-dua pulau terbesar itu.

"Sebelum ini negara tetangga cuma dapat berharap bahawa Indonesia telah mengambil langkah pencegahan dari dapat mengatasi kebakaran yang menjadi punca jerebu itu... tanpa ada kepastian," kata Azmi.

Beliau berkata, namun kini setiap negara akan dapat mengetahui perkembangan usaha mencegah dan mengatasi jerebu di negara lain melalui mesyuarat peringkat menteri alam sekitar setiap tiga bulan sekali yang dipersetujui pada mesyuarat itu.

Menurut Rachmat pula, hasil kedua

ialah persetujuan mewujudkan beberapa jawatankuasa peringkat menteri untuk merangka strategi pencegahan kebakaran hutan, pegawai kanan sebagai pelaksana dan forum pakar antarabangsa bagi mengemaskini pengetahuan berkenaan.

Sambil mengakui kebakaran terbesar dan terbanyak memang berlaku di Indonesia, beliau berkata, kerana itu Indonesia akan mendapat manfaat paling besar daripada hasil ketiga mesyuarat iaitu penubuhan dana khas menangani jerebu ASEAN yang disalurkan Malaysia.

"Bagaimanapun kegunaan dana itu hanya semata-mata untuk memadamkan kebakaran hutan yang terjadi kerana sebab semulajadi dan bukan kerana kejahatan manusia," katanya.

Hakikatnya ialah Indonesia menghargai bantuan dan kerjasama negara anggota ASEAN kerana kebakaran hutan serta tanah gambut di republik ini melibatkan mungkin ratusan ribu, malah mungkin jutaan hektar luasnya.

Selain luas, tempatnya pula berselebaran di merata hutan menyebabkan Indonesia tetap menghadapi masalah logistik walaupun telah berbelanja banyak untuk memadam kebakaran, mengurangi jerebu dan meredakan

kemarahan negara jirannya.

Biarpun ada kalangan ahli politik dan pertubuhan bukan kerajaan Indonesia sukar menerima hakikat Indonesia menjadi punca jerebu ASEAN, malah menuduh syarikat Malaysia membakar hutan, namun keikhlasan Rachmat dan Susilo membuka jalan terbaik buat Indonesia.

"Saya kenal dekat dengan Presiden Susilo dan saya tahu beliau ikhlas ketika memohon maaf kepada Malaysia dan Singapura yang terparah dilanda jerebu," kata Azmi.

Lantaran itu, kata Azmi, Malaysia tidak menghiraukan tuduhan liar dan kerap kalinya sinis yang dibuat oleh NGO tertentu serta media massa Indonesia termasuk mengaitkan jerebu dengan kepentingan Malaysia di sini.

"Yang pentingnya pemerintah Indonesia sendiri tidak pernah menuduh syarikat Malaysia, yang membakar hutan untuk buka ladang baru atau membakar sisa hutan selepas menebang balak secara haram," katanya.

Katanya, biarpun menanggung kesan yang agak teruk akibat jerebu dari segi kesihatan rakyat, penurunan aktiviti pelancongan dan perniagaan, Malaysia hanya mahu melihat ke depan serta menumpukan usaha memastikan jerebu tidak berulang.

"Kita percaya dalam semangat persaudaraan ASEAN kita akan, dapat bekerjasama dengan baik mengatasi masalah jerebu demi kesejahteraan rakyat dan kepentingan alam sekitar," kata Azmi.